

## **SERLAHKAN KREATIVITI DALAM DIRI**

Oleh: Nur Fathin Farhana binti Abd Rashid, 1172569,  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
*Disiarkan pada 23 Ogos 2020*



Gambar hiasan.

Kreativiti adalah menghubungkan idea baharu dengan yang lama atau mengenali hubungan antara pelbagai konsep.

Pemikiran kreatif bukan sekadar mengenai menghasilkan sesuatu yang baharu dari yang lama. Sebaliknya, kita menggunakan apa yang sedia ada dan menggabungkannya dengan cara yang belum pernah dilakukan sebelumnya.

Dalam usaha menjadi seorang yang kreatif, kita harus memberi peluang kepada diri sendiri untuk melakukan sesuatu yang baharu.

Kadang-kadang kita perlu menghasilkan banyak lukisan atau penulisan yang dihasilkan dari cetusan idea yang berbeza sebelum menyedari bahawa kita menghasilkan sesuatu yang terbaik di antara semuanya.

Menurut seorang profesor psikologi, Barbara Kerr, kira-kira 22 peratus varian dalam kreativiti adalah disebabkan oleh pengaruh gen. Penemuan ini dibuat dengan mengkaji perbezaan pemikiran kreatif antara pasangan kembar.

Dari perspektif Islam, kreativiti mempunyai kedudukan yang tinggi sehingga ia dianugerahkan kepada manusia sebagai satu potensi bagi melayakkan mereka menjalankan amanah sebagai khalifah di atas muka bumi.

Antara cara untuk menjadi seorang yang kreatif adalah dengan membuat sesuatu yang berguna dan menarik.

Mempraktikkan kraf secara berulang-ulang adalah salah satu cara untuk menjadi mahir dalam sesuatu perkara termasuk mereka yang menghasilkan lukisan.

Begitu juga dengan seorang penulis yang menulis setiap hari untuk mengasah bakatnya dalam usaha menghasilkan karya yang ingin dihidangkan kepada para pembaca.



Gambar hiasan.

Sekiranya ingin menghasilkan karya yang terbaik, kita perlu menetapkan jadual bagi melakukan sesuatu pekerjaan.

Idea akan timbul apabila kita mempunyai masa yang cukup untuk mendapatkannya seperti mempunyai waktu rehat yang mencukupi bagi memikirkan idea kreatif yang baharu dan terbaik.

Adalah wajar untuk menilai hasil kerja sendiri. Kita sewajarnya berasa kecewa jika ciptaan yang dihasilkan tidak begitu indah seperti yang diharapkan atau tidak menjadi lebih baik.

Namun, kuncinya adalah dengan tidak membiarkan sikap putus asa menghalang kita daripada terus menghasilkan sesuatu.

Kongsilah karya secara terbuka. Ini akan menjadikan kita lebih bersungguh-sungguh untuk mencipta karya terbaik melalui maklum balas yang diterima.

Melihat orang lain mempamerkan hasil karya sendiri merupakan inspirasi yang paling hebat dan menjadikan kita lebih bersemangat.

Sudah tentu, setiap orang mempunyai daya kreativiti tersendiri. Serlahkanlah kreativiti kita melalui karya yang dihasilkan agar dapat dikongsi bersama orang lain.